

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

November/Disember 1995

PLG 525 - Dinamik Organisasi Pendidikan

Masa: [2 jam]

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

- 1. Di antara komponen-komponen Persekutaran Luaran Organisasi Pendidikan ialah Keadaan Ekonomi, Inovasi Teknologi dan Keadaan Politik, Sosial dan Budaya.**

Berdasarkan kepada pengalaman dan tinjauan bacaan anda, sejauh manakah perubahan-perubahan dalam komponen-komponen tersebut mempunyai kesan kepada organisasi pendidikan?

- 2. "Penilaian tidak formal berlaku setiap hari sama ada di luar atau di dalam persekitaran sekolah. Adalah menjadi tanggungjawab Pengetua bagi melaksanakan proses penilaian secara formal." (Edward F. Deroche; 1981).**

Bagaimanakah berlakunya proses-proses penilaian formal dan tidak formal seperti penilaian guru terhadap pelajar-pelajar dan penilaian Pengetua terhadap guru-guru di sekolah? Pada pendapat anda adakah sesuatu sekiranya berlaku penilaian pelajar terhadap guru-guru secara formal? Beri alasan anda.

- 3. Bagi meningkatkan prestasi sesuatu organisasi persekolahan, guru-guru perlu diberi kesempatan menganalisis masalah, memperkemaskan program-program yang ada dan memperkenalkan program-program yang baru. Oleh yang demikian pengutipan dan penganalisis data tidak akan bermakna, sekiranya sesuatu tindakan susulan tidak dilakukan kepada keputusan penganalisisan tersebut.**

Pada pendapat anda bagaimanakah kita dapat menggunakan keputusan-keputusan analisis tersebut pada masa kini?

4. "Dalam konteks reformasi pendidikan di negara kita, ia merujuk kepada usaha-usaha Kementerian Pendidikan untuk mengadakan perubahan-perubahan yang perlu dan mustahak dalam seluruh sistem pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki, memperkuatkan dan mempertingkatkan mutu pendidikan. Perubahan-perubahan yang menyeluruh adalah meliputi struktur persekolahan, kurikulum dan budaya sekolah." (Ahmad Muhammad Said, 1991).

Bincangkan sejauh manakah reformasi berlaku kepada perkara-perkara yang bergaris di atas? Beri contoh-contoh masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah?

5. "Iannaccone menyarankan bahawa usaha-usaha perlu dilakukan bagi mempermudahkan interaksi di antara struktur-struktur formal dan tidak formal melalui perkembangan komunikasi terbuka, penyebaran maklumat dan tindakan bersama dalam membuat keputusan, supaya berlaku percantuman semaksima mungkin di antara matlamat-matlamat institusi yang formal dengan norma-norma kumpulan tidak formal." (Kenneth A. Tye, 1975).

Sejauh manakah Kumpulan Tidak Formal ini memberi kepuasan sosial kepada guru-guru dan pekerja-pekerja? Pada tinjauan anda apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya kumpulan tidak formal ini dapat menyumbang dengan berkesannya ke arah pencapaian matlamat sekolah ke peringkat maksima?